

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Wednesday, October 24, 2018 9:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Suntingan Uniutama.FM Lahir Mahasiswa Kreatif



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

23 OKTOBER 2018, RABU | 14 SAFAR 1440H



HEP: Dalam usaha melahirkan mahasiswa yang kreatif, berintergriti, berkebolehan serta berpengatahuan tinggi, Kelab Penyiaran Uniutama.FM dan Kelab Fotografi Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Bengkel Suntingan Uniutama.FM yang berlangsung pada 23 Oktober baru-baru ini bertempat di Dewan Budi Siswa.

Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan dan mengasah bakat mahasiswa terutamanya ahli kelab yang juga merupakan penyampai radio Uniutama.FM.

Bengkel yang berlangsung selama sehari itu, memberi pendedahan kepada peserta dalam menerbitkan video digital dengan menggunakan perisian Adobe Premiere Pro dan menggunakan YouTube sebagai platform untuk memuatnaik tugasan bengkel.

Bengkel ini juga ini telah menampilkan dua penceramah yang berpengalaman dari Penerbit Radio Uniutama.FM iaitu Lee Yong Lerk dengan modulnya yang bertajuk *"Make It Easy With Adobe Premiere Pro"* dan Sundus Mustaqeem yang membicarakan topik tentang *"How To Be A Good Broadcaster"*.

Selain itu, bengkel ini juga mendapat sambutan dengan penyertaan lebih dari 100 peserta.

Menurut Pengarah PBS, Huzaidy Hussain penganjuran bengkel seperti ini memberi pendedahan dan tunjuk ajar kepada semua peserta tentang teknik pengurusan dan penerbitan video di peringkat pre-produksi, produksi dan pasca produksi.

“Secara keseluruhan, bengkel ini telah mengasah kemahiran mahasiswa untuk berkarya secara kreatif, mengurus dan menerbitkan video secara berkumpulan.

“Mahasiswa juga berpeluang merasai pengalaman bekerja dalam satu kumpulan dengan menjadi penerbit, penulis skrip, jurukamera, juruaudio, penyunting dan sebagainya dalam menerbitkan tugas yang diberikan”, katanya lagi.

Selain itu, menerusi wawancara bersama peserta bengkel, Nur Mohammad Ehsan Md Rashid berkata bahawa kebanyakan peserta berpuas hati dengan program yang dijalankan dan mereka berharap agar program seperti ini boleh dilakukan dengan lebih kerap lagi pada masa hadapan bagi membantu memantapkan potensi mereka dalam kemahiran suntingan video serta teknik penyiaran yang betul.

“Bengkel seperti ini yang dicari mahasiswa kerana ia padat dengan ilmu yang praktikal, memberikan pengalaman yang menarik, ilmu yang bermanfaat dan membantu peserta dalam mengembangkan potensi mereka agar mereka dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan”, katanya mengakhiri perbualan.

Turut sama menghadiri bengkel ini Pensyarah Kanan SMMTC, Dr. Norizah Aripin, Penolong Pengarah PBS Asmawiza Hussin dan Penasihat Kelab Penyiaran Faizul Awang.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.